**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 14**
**RUANGAN : NEGARA**

kosmo sabtu 15/3/25 negara · ms/14

KOSMO! SABTU 15 MAC 2025



**LUKANISMAN (duduk tengah) bergambar selepas Majlis MoU Kerjasama Awam Swasta bagi Program Eliminasi Kanser Serviks di Kementerian Kesihatan, Putrajaya semalam.**

# Peratusan kanser serviks menurun

- Jangkaan penurunan hasil kesedaran wanita
- Yayasan Rose sedia kit saringa kendiri HPV percuma

**Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN**

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan mengurangkan peratusan kanser serviks di negara ini menerusi memorandum persefahaman (MoU) kerjasama awam swasta yang dilaksanakan bersama Yayasan Rose.

Timbalan Menterinya, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, melalui kerjasama itu, Yayasan Rose akan menyediakan kit saringan kendiri HPV secara percuma kepada wanita memerlukan di seluruh negara.

"Dalam tempoh pelaksanaan MoU ini, dianggarkan antara 1,000 hingga 2,000 kit akan diagihkan dalam tempoh setahun secara berkala di klinik kesihatan terpilih.

"Langkah itu diambil bagi memastikan saringan dapat dilakukan dengan mudah dan meluas tanpa halangan logistik bagi golongan sasar," katanya ketika pada Majlis Menandatangani MoU Kerjasama Awam Swasta Bagi Program Eliminasi Kanser Serviks di sini semalam.

Katanya, menerusi MoU itu, kedua-dua pihak juga akan meningkatkan kesedaran dan pendidikan kesihatan dengan mempromosikan maklumat mengenai kepentingan saringan HPV kepada masyarakat.

"Kita juga akan meningkatkan kecekapan kapasiti dan profesional kesihatan dengan melibatkan penganjuran bersama latihan dan bengkel kemahiran petugas kesihatan mengendalikan kit saringan serta teknik pengesanan awal.

"KKM dan Yayasan Rose akan melaksanakan pemantauan dan tindakan susulan memastikan wanita mendapat keputusan saringan positif dapat dirujuk segera untuk rawatan lanjut di fasiliti kesihatan," jelasnya.

Sementara itu, bercakap mengenai kanser serviks di Malaysia, Lukanisman berkata, statistik terkini menunjukkan kadar kanser serviks di Malaysia telah turun kepada 6.0 kes bagi setiap 100,000 wanita pada 2017-2021.

Jelasnya, jumlah itu berbanding 6.2 kes bagi setiap 100,000 wanita dalam tempoh 2012-2016.

Katanya,kanser serviks juga tidak lagi berada dalam senarai 10 kanser paling kerap di Malaysia, tetapi telah turun ke tangga ke-11.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 30**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

Sinar Harian / ms 30 Sabtu 15/3/25 Negeri.

# Penyakit HFMD meningkat di Terengganu

**KUALA TERENGGANU** - Terengganu merekodkan peningkatan ketara kes penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) setakat 8 Mac lalu, iaitu sebanyak 533 kes berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024 yang hanya mencatatkan 100 kes.



WAN SUKAIRI

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri, Datuk Wan Sukairi Wan Abdullah, berkata daerah Kuala Terengganu merekodkan kes tertinggi iaitu sebanyak 198 kes, diikuti Kuala Nerus (66), Setiu (57), Dungun (55), Marang (47), Hulu Terengganu (45), Kemaman (38) dan Besut (27).

"Sebanyak 10 kluster dilaporkan pada tahun ini, iaitu sembilan kluster berlaku di taman asuhan kanak-kanak (Taska), manakala satu kluster berlaku di taman bimbingan kanak-kanak (Tabika).

"Kluster ini melibatkan tiga daerah, iaitu Kuala Terengganu sebanyak lapan kluster, manakala Dungun dan Kuala Nerus masing-masing satu kluster," katanya ketika dihubungi di sini, pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Wan Sukairi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Wakaf Mempelam berkata, kebiasaan penyakit ini berlaku dalam kalangan kanak-kanak berusia kurang daripada 10 tahun.

Justeru, katanya, orang ramai, terutama ibu bapa, dinasihatkan agar tidak membawa anak ke tempat-tempat yang berisiko berlaku penularan jangkitan HFMD seperti taman permainan awam.

**AKHBAR : NEW STRAITS TIME**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NATION**

TRANSPARENCY IN HEALTH SERVICES

NST m/s 6 Saturday 15/3/25 Nation

# 'Govt mandates medicine price displays to empower consumers'

**PUTRAJAYA:** The government's decision to mandate the display of medicine prices is not intended to control supply costs, but to empower consumers with choices.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said from May 1, the public could access medicine prices, enabling them to compare them and select health services accordingly through the Medicine Price Transparency Mechanism.

"The mechanism was introduced at the National Action Council for Cost of Living meeting on Oct 3, 2023, followed by a cabinet memorandum involving the Domestic Trade and Cost of Living Ministry and the Health Ministry on Jan 8.

"I want to stress that this order is to mandate the medicine prices to be displayed and not to control the price of medicine," he said after officiating at the 2025 Consumerism NGO Day yesterday.

It was reported that private hospitals and clinics would be required to display medication prices from May 1, aligning with the policy of price transparency in health services.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad had said while there were no objections from the Association of Malaysian Private Hospitals, private general practitioners expressed concern about the order's flexibility.

Armizan said the order would be enforced under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011. Section 10 of the Act grants the minister authority to mandate price displays for specific goods and services, including how the information should be presented.

"Displaying medicine prices can also help address the high medical inflation rate," he said, adding that Malaysia's projected medical inflation for this year was 15 per cent, higher than the Asia Pacific average of 10 per cent and global average of 11 per cent.

On another matter, Armizan said the ministry had initiated 99 investigation files as part of its probe into the mixing of local white rice with imported rice by manufacturers and packagers.

Armizan said this was based on inspections at 308 manufacturing and packaging premises nationwide under Op Campur.

"We have 99 samples suspected of containing a mixture of local and imported rice. We have given 17 to the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) for analysis."

Armizan said all samples were sent to Mardi in stages, adding that if it detects local rice DNA in goods labelled as imported rice, legal action will be taken.

Mardi, through the Biotechnology and Nanotechnology Research Centre, recently said of 5,000 rice samples analysed, approximately 40 to 50 per cent of imported white rice were confirmed to be mixed with local white rice.